

Wartawan dan dengan Perdana

UM 28 NOV 1984

NAMPAKNYA bulan November ini ialah bulan penulis. Dua kumpulan penulis tanahair telah mengadakan perayaan masing-masing bulan ini. Pada 9 haribulan malam yang lalu para wartawan telah mengadakan Malam Wartawan Malaysia 1984 dan pada 23 haribulan malam yang batu lepas para sasterawan pula mengadakan malam mereka.

Malam Wartawan dianjurkan oleh Institut Akhbar Malaysia dan ditaja oleh Syarikat Malaysian Tobacco manakala Malam Sasterawan dianjurkan oleh Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA) dan Syarikat Esso.

Kedua-dua majlis makan malam ini dihadiri oleh Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad sebagai tetamu utama. Turut hadir ialah isteri beliau Datuk Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah dan beberapa orang menteri.

Di Malam Wartawan, Perdana Menteri sendiri menyampaikan hadiah kepada para wartawan yang menang di dalam peraduan untuk merembut hadiah-hadiah kewartawanan tahun 1983 manakala pada Malam Sasterawan hadiah-hadiah disampaikan oleh Datuk Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah kepada mereka yang berjaya di dalam peraduan menulis novel dan cerpen. Dan di kedua-dua

malam itu Perdana Menteri, telah memberi ucapan yang di dalamnya terkandung pandangan, ingatan dan pesannya kepada golongan wartawan dan sasterawan.

Beberapa aspek di dalam pandangan, ingatan dan pesannya itu pernah dilafazkannya di majlis-majlis yang ada hubungan dengan kewartawanan dan kesusasteraan. Tetapi oleh kerana semua para wartawan masing-masing sibuk maka tidak semua pesan dan ingatannya itu diambil perhatian atau dilaksanakan. Setengahnya pula kerana sebab-sebab yang pihak-pihak yang berkenaan itu sahaja yang tahu, sengaja telah tidak mengendahkan segala pandangan dan pesan, ingatan dan teguran dari Perdana Menteri mengenai laporan dan penulisan mereka.

Di majlis Malam Wartawan Datuk Sri Dr. Mahathir telah mengingatkan pihak akhbar tentang tanggungjawab mereka. Semakin besar dan semakin kukuh sesebuah akhbar itu, kata beliau, semakin besarlah tanggungjawab yang harus dipikul oleh akhbar tersebut.

Beliau kesal dengan perkembangan di kalangan akhbar-akhbar Malaysia yang memberikan perhatian lebih kepada soal-soal lain sedangkan peristiwa yang diliputi adalah mengenai satu perkara lain. Katanya, jika ada mesyuarat, lawatan, pameran atau apa jua peristiwa, perkara yang diberi perhatian bukan peristiwa itu tetapi soal-soal lain yang menjadi minat

akhbar.

Soalan-soalan yang dibuat, sambung Perdana Menteri, adalah bermacam bentuk dan dilahirkan bertalutalu untuk menjadi sesuatu perkara itu sebagai satu isu yang hangar. Selepas itu orang lain yang diketahui mempunyai pandangan yang lain pula disoal bagi memberikan pandangan terhadap pendapat sasaran pertama. Maka dengan itu, ujar Datuk Sri Dr. Mahathir, akan terjadilah satu pertentangan yang dihembus oleh akhbar sehingga panas dan berapi-api.

Kesannya, kata beliau, ialah timbulnya ketegangan dan kegelisahan politik manakala perpaduan tidak diperdulikan sama sekali.

Apa yang dikatakan oleh Perdana Menteri itu memang benar. Tetapi menurut pengalaman saya sebagai seorang wartawan lama, kaum wartawan atau pemberita terbahagi kepada dua golongan. Satu golongan ialah wartawan yang sengaja suka melagakan orang seperti antara menteri kerajaan dengan pihak pembangkang demi muslihat-muslihat tertentu. Golongan yang satu lagi ialah mereka yang sengaja mahukan pendapat-pendapat yang bertalian supaya liputan mereka betul-betul seimbang (balanced).

Sesungguhnya liputan seperti itu aka memberi faedah kepada kerajaan kerana kerajaan akan faham sikap pembangkang dan pembangkang akan tahu pendirian kerajaan. Ia juga akan

sasterawan Menteri



menjadi sejenis maklum balas (feedback) kepada kerajaan. Juga, menurut pengalaman penulis ini akhbar-akhbar yang gemar melagakan orang, yang menambahkan benda yang kecil dan yang mengada-adakan benda yang tak ada, biasanya dalam sekejap masa sahaja akan gulung tikar.

Cuma satu hakikat sahaja yang Perdana Menteri atau sesiapa juga orang kenamaan tidak dapat elakkan ialah, selagi negara kita mengamalkan sistem demokrasi dan masyarakat terbuka maka selama itulah mereka akan dikerumuni dan disoal bertalu-talu oleh para wartawan.

Di majlis Malam Sasterawan, Datuk Sri Dr. Mahathir telah mengingatkan para hadirin tentang pentingnya peranan bahasa-bahasa asing untuk memperkatakan bahasa kebangsaan. Jika kita ingin memperkayakan bahasa kebangsaan, ujar beliau, bukan sahaja pakar-pakar bahasa perlu menguasai bahasa asing tetapi juga setiap mereka yang terpelajar dan ahli profesional hendaklah menguasai sekurang-kurangnya dua bahasa.

Beliau menegaskan bahawa fasih atau boleh menguasai dua bahasa tidak bermakna kita menderhaka kepada bahasa kebangsaan kita di samping memperluaskan ilmu yang dimiliki. Pada masa ini kita masih boleh menterjemahkan tulisan bahasa asing. Perdana Menteri khawatir jika perasaan kebangsaan kepada bahasa

mengongkong kita, akan terputuslah kita dari punca-punca ilmu yang diterokai oleh bangsa lain.

Dalam lain-lain perkataan, apa yang dimaksudkan oleh Datuk Sri Dr. Mahathir ialah rakyat -Malaysia jua yang akan rugi jika mereka hanya bijak dalam satu bahasa sahaja iaitu Bahasa Malaysia.

Saya kira tidak ada siapapun yang warasjikiranya yang akan menafikan kebenaran pendapat Perdana Menteri itu. Bagaimanakah kita hendak menterjemahkan buku-buku sains dan teknologi dari bahasa Inggeris atau Russia atau Perancis ke Bahasa Malaysia kalau kita cuma tahu bahasa kita sahaja? Bagaimanakah kita hendak mendalami agama Islam di Mekah atau di Kaerah jika kita hanya tahu bercakap Melayu sahaja? Bagaimanakah kita hendak melanjutkan pelajaran ke negeri-negeri asing atau bermesyuarat di luar negeri atau berkonferensi di Bangsa - Bangsa Bersatu kalau kita hanya bijak dalam Bahasa Malaysia sahaja?

Memang kita mahu tiap-tiap seorang dari warganegara kita fasih bertutur dan bijak mengarcng dalam Bahasa Malaysia dan kita merasa megah melihat rakyat dari kaum-kaum yang bukan Melayu sudah pandai berbahasa Malaysia. Tetapi janganlah kita beri peluang kepada kemegahan itu untuk menipu diri kita sehingga kita tidak mahu mempelajari bahasa lain.

Perdana Menteri tidak menyebut dua bahasa yang manakah yang harus

kita kuasai. Saya kira dua bahasa itu ialah Bahasa Malaysia, iaitu bahasa kebangsaan kita dan bahasa Inggeris yang kini sudah menjadi bahasa internasional dan bahasa pengetahuan.

Nasihat Perdana Menteei itu memang wajar. Pada pendapat saya rakyat Malaysia di masa hadapan hendaklah menguasai bukan hanya dua bahasa seperti yang dilaungkan oleh Datuk Sri itu tetapi tiga atau empat atau lima bahasa.

Dalam hal ini saya sungguh kagum dengan orang Indonesia. Di beberapa mesyuarat, seminar dan simposium yang saya hadiri di luar negeri saya sering beriemu dengan peserta - peserta bangsa Indonesia yang boleh bertutur dan berbincang dalam bahasa Inggeris, Belanda, Jerman, Perancis, Arab dan Jepun.

Memang betul dalam penuturan bahasa Inggeris sebutan saya lebih baik dari mereka. Sebutan mereka agak pekat dan terhentak. Mereka menyebut 'miluk' bagi 'milk' (susu), 'helep' bagi 'help' (tolong) dan 'selef' bagi 'self' (sendiri).

Tetapi dari segi mengumpul markah saya hanya dapat tiga markah sahaja iaitu berkebolehan dalam Bahasa Malaysia, Inggeris dan Jepun manakala mereka dapat tujuh markah iaitu mereka dapat tujuh markah iaitu pintar dalam bahasa Indonesia dan enam bahasa asing yang lain.

Sekian untuk minggu ini. Jumpa lagi Rabu depan.